

25/11/2003

Pemimpin tidak dilantik boleh tanding

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Pemimpin Umno yang tidak dilantik sebagai Ketua Penaja Umno bahagian masih boleh menawarkan diri untuk bertanding pada pemilihan parti tahun depan dan mereka tidak disekat daripada berbuat demikian, kata Naib Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, mereka ada hak untuk bertanding mana-mana jawatan dalam parti kerana jawatankuasa penaja adalah berbentuk sementara sehingga pemilihan diadakan.

"Majlis Tertinggi (MT) Umno belum memutuskan bila tarikh pemilihan dalam Umno diadakan. Yang pasti ialah pemilihan itu adalah bagi setiap peringkat iaitu cawangan, bahagian dan pucuk pimpinan tertinggi.

"Pemilihan itu ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum. Selagi belum diadakan pilihan raya umum, kita tidak mengadakan pemilihan dalam Umno dan inilah keputusan yang dibuat sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mesyuarat MT Umno Sabtu lalu, menggugurkan lima ketua bahagian manakala dua lagi termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad berundur secara sukarela daripada senarai ketua penaja di 191 bahagian di seluruh negara.

Empat ketua bahagian di Kelantan yang digugurkan ialah Datuk Ibrahim Ali (Pasir Mas), Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Nor (Bachok), Datuk Wan Zaid Wan Abdullah (Kuala Krai) dan Tuan Hashim Tuan Yaakob (Kubang Kerian). Seorang lagi ketua bahagian yang digugurkan ialah dari bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata ketua penaja bahagian boleh bertanding mempertahankan jawatannya pada pemilihan tahun depan dan mereka juga boleh dicabar.

"Semua ini terbuka untuk pertandingan. Jika kalah, kalahlah," katanya dan menambah bahawa kebiasaannya pemilihan dalam parti mungkin diadakan Jun tahun depan manakala di peringkat cawangan dan bahagian sebelum itu.

Beliau berkata, MT belum membuat keputusan mengenai tarikh pemilihan itu kerana Umno lebih menumpukan kepada persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata senarai mereka yang dilantik atau digugurkan akan diedarkan secara bertulis dalam tempoh sehari dua lagi.

"Kita buat (keputusan) sebelum hari raya supaya semua lega, kita boleh bagi tumpuan keseluruhan pemikiran dan tenaga untuk memenangi pilihan raya.

"Saya percaya semua bahagian sedar fokus yang diharapkan oleh MT selepas kita teliti dan rumuskan jawatankuasa penaja," katanya.